



**SYARAT-SYARAT MENGADAKAN ACARA HARGA JUALAN MURAH
BAGI BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN SELARAS DENGAN
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH), 2012**

- 1) Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) (<https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Cheap%20Sale%20Price%20Event.aspx>).
- 2) Syarikat perniagaan yang ingin mengadakan acara harga jualan murah perlu memaklumkan JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna dengan menghadapkan Borang Makluman (*Notification Form*) yang lengkap melalui e-mel sales@jpes.gov.bn atau kaunter Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES sekurang-kurangnya 5 hari (waktu bekerja) sebelum acara harga jualan murah bermula. JPES akan mengeluarkan Notis Jualan untuk dipamerkan di tempat bersesuaian dan mudah dilihat oleh orang ramai sepanjang tempoh acara harga jualan murah berlangsung.
- 3) Tempoh maksimum bagi mengadakan acara jualan murah ialah selama 21 hari dengan tempoh lanjutan sebanyak 10 hari (dengan tambahan minimum 5% diskaun ke atas potongan peratus (%) yang sedang ditawarkan). Jarak di antara dua acara harga jualan murah adalah selama 14 hari.
- 4) Maklumat senarai harga (termasuk kod bar, jenama, harga asal, harga selepas potongan dan peratus potongan) dan maklumat-maklumat yang relevan hendaklah sentiasa tersedia di dalam setiap premis yang mengadakan acara harga jualan murah dan sedia untuk diserahkan kepada penguatkuasa Jabatan ini semasa pemeriksaan rambang dijalankan selaras dengan Peraturan 11(a) dan (b) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.
- 5) Semua barangan atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh dengan terang dan jelas tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau potongan peratus selaras dengan Peraturan 9(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012. Harga asal bermaksud harga biasa/normal paling rendah yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari sebelum acara harga jualan murah bermula.
- 6) Setiap pengiklanan melalui media perlu disertakan (i) nombor pendaftaran, tarikh dan tempoh acara harga jualan murah; (ii) jenis barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan (iii) tempat acara harga jualan murah diadakan. Pengiklanan hendaklah jelas agar tidak mengelirukan pengguna. Kain rentang dan iklan hendaklah menggunakan tajuk acara harga jualan murah dan boleh dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya 3 hari sebelum acara harga jualan murah bermula.
- 7) Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barangan atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa acara harga jualan murah yang melibatkan:
 - a. barang-barang yang mempunyai kualiti boleh-dagang;
 - b. barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
 - c. waranti atau jaminan ke atas barang-barang atau perkhidmatan.
- 8) Syarikat perniagaan perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 termasuk menyatakan keterangan yang benar di dalam Borang Makluman dan Senarai Harga. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah menjadi kesalahan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara.